

08 JUL 1996

Kong (Fokus Berita)

DARI LDP KE GERAKAN: KONG TERUS MENCABAR ARUS

Oleh: Jackson Sawatan

KOTA KINABALU, 8 Julai (Bernama) -- Setelah tidak dikehendaki dalam Parti Liberal Demokratik (LDP) sehingga memaksanya keluar daripada parti itu, Datuk Kong Hong Ming kini berhadapan pula dengan kemungkinan disingkir daripada jawatan sebagai Ketua Perhubungan Parti Gerakan Sabah.

Dalam kedua-dua kes, ia disebabkan tindakannya menentang arus.

Ketika dalam LDP, Kong beberapa kali diminta membatalkan niatnya mencabar Datuk Chong Kah Kiat sebagai presiden pada pemilihan parti Ogos lepas, tetapi berkeras meneruskan hasratnya untuk merebut jawatan itu.

Malangnya, beliau tewas dalam pertandingan satu lawan satu itu.

Berikutan itu, beliau didesak meninggalkan parti dan terpaksa pula melepaskan jawatannya sebagai Menteri Perkhidmatan Sosial dalam kabinet negeri

-- satu-satunya jawatan kabinet yang dipegang oleh LDP ketika itu -- juga kerana desakan kelompok yang menang dalam perebutan jawatan itu.

Kini Kong mengalami nasib yang hampir serupa apabila sekali lagi berhadapan dengan desakan, kali ini supaya keluar daripada BN, ekoran tindakannya tidak mengundi Rang Undang-Undang Pindaan Enakmen Hutan 1968 yang diluluskan pada persidangan Dewan Undangan Negeri 17 Jun lepas. --

"Saya mengambil tindakan itu kerana berpendapat bahawa pindaan itu tidak perlu buat masa ini. Banyak lagi tindakan lain yang boleh dilakukan bagi mengawasi salah laku Ketua Menteri termasuk tindakan undang-undang mengikut Kanun Keseksaan, Akta Pencegahan Rasuah dan sebagainya," katanya ketika diminta mengulas tindakannya.

Kong juga tidak berada dalam dewan ketika pengundian secara belah-bahagi dijalankan bagi empat lagi pindaan undang-undang yang bertujuan menghadkan kuasa Ketua Menteri.

Nampaknya nasib Kong tidak begitu baik dalam politik sejak memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Kudat pada pilihan raya negeri Februari 1994 -- beliau sentiasa sahaja berhadapan dengan hambatan meminta beliau berhenti daripada jawatan yang disandangnya.

Sekalipun parti Gerakan Sabah mahu Kong dikekalkan, kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu Kong mengubah pendirian atau meletakkan jawatan, telah menempatkan Kong dalam keadaan "telur di hujung tanduk" dalam parti Gerakan Sabah yang belum berusia setahun itu.

Berdasarkan rekod, tawaran Kong pada Rabu lepas untuk melepaskan jawatannya dalam Gerakan Sabah bagi meredakan kontroversi berikutan pendiriannya itu, mungkin akan berkesudahan dengan beliau sekali lagi kehilangan jawatan.

"Saya bertanggungjawab terhadap tindakan saya itu. Bagaimanapun, saya juga kesal kerana tidak berbincang secukupnya dengan pucuk pimpinan Gerakan sebelum mengambil pendirian itu," katanya.

Rata-rata pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) kecewa dengan tindakan Kong dan berpendapat Kong sepatutnya mengikut arus dengan mengundi untuk menyokong pindaan berkenaan, sama seperti yang dilakukan oleh rakan-rakannya dalam BN.

Mereka juga berpendapat Kong sepatutnya dikenakan tindakan sama seperti yang dikenakan terhadap Anggota Dewan Undangan Negeri yang dilantik, Jahid Jahim dari Akar Bersatu yang telah dipecat daripada parti itu kerana mengundi menentang pindaan berkenaan.

Kenyataan Perdana Menteri berhubung isu itu bagaimanapun memberi Kong satu lagi pilihan sama ada untuk terus kekal menentang dan melepaskan

jabatannya atau mengikut arus dengan mengubah pendiriannya.

Kong juga perlu mengambil kira kenyataan Setiausaha Agung BN Datuk Mohamed Rahmat yang mahu Gerakan Sabah memutuskan sama ada mahu terus menjadi anggota komponen BN negeri atau meninggalkan gabungan itu sekiranya ia tidak lagi dapat menyesuaikan diri dengan perjuangan BN Sabah.

Kong tidak mempunyai masa yang banyak kerana beliau perlu membuat pendirian itu selewat-lewatnya Sabtu ini sebelum jawatankuasa pusat parti Gerakan kebangsaan membuat keputusan berhubung masa depannya dalam parti berkenaan.

Sekiranya beliau mahu kekal bersama BN, Kong perlu bersedia menghadapi tindakan disiplin oleh BN.

Apa yang jelas, Kong setakat ini nampaknya berpuas hati dengan penjelasan yang diberikannya kepada pemimpin tertinggi parti itu, yang antara lain mempertahankan kononnya beliau mewakili sentimen rakyat yang merasakan bahawa pindaan itu tidak perlu buat masa ini.

"Saya telah menjelaskan (perkara ini) kepada pemimpin Gerakan dan saya serahkan kepada mereka untuk memutuskannya," katanya.

Apapun kemungkinannya, pada akhirnya Kong sendirilah yang akan menentukan masa depannya dalam parti itu dan Gerakan Sabah sebagai komponen BN di negeri bawah bayu ini. -- BERNAMA

JS OBA